

**NO. SOALAN: 369**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR  
[ POKOK SENA ]**

**RUJUKAN : 7299**

**SOALAN:**

**YB Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah terkini anggota Polis DiRaja Malaysia (PDRM) seluruh negara berdasarkan jawatan gred dan pangkat mengikut komposisi kaum dan jantina.**

**JAWAPAN:**

**Jumlah terkini anggota Polis DiRaja Malaysia (PDRM) seluruh negara berdasarkan pangkat mengikut jantina adalah seperti berikut :-**

Pangkat	Lelaki	Wanita	Jumlah
<b>Pegawai Kanan Polis</b>	<b>9,473</b>	<b>1,809</b>	<b>11,282</b>
<b>Pegawai Rendah Polis</b>	<b>83,642</b>	<b>10,616</b>	<b>94,258</b>
<b>Anggota Rendah Polis/Sokongan</b>	<b>7,302</b>	<b>824</b>	<b>8,126</b>

**Manakala mengikut komposisi kaum adalah seperti berikut :-**

Pangkat	Melayu	Cina	India	Punjabi	Lain-Lain Bangsa	Jumlah
<b>Pegawai Kanan Polis</b>	<b>8,645</b>	<b>791</b>	<b>655</b>	<b>41</b>	<b>1,150</b>	<b>11,282</b>
<b>Pegawai Rendah Polis</b>	<b>76,818</b>	<b>1,103</b>	<b>2,807</b>	<b>133</b>	<b>13,397</b>	<b>94,258</b>
<b>Anggota Rendah Polis/Sokongan</b>	<b>6,964</b>	<b>80</b>	<b>197</b>	<b>0</b>	<b>885</b>	<b>8,126</b>

**NO. SOALAN: 370**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR  
[ POKOK SENA ]**

**RUJUKAN : 7300**

**SOALAN:**

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan jumlah pekerja asing yang bekerja di Malaysia dengan:-**

- a) nyatakan jumlah bilangan, negara asal dan bidang pekerjaan mereka dari tahun 2009 hingga 2014; dan
- b) berapakah syarikat 'outsourcing' yang menjalankan perniagaan penempatan pekerja asing di kilang-kilang elektronik, ladang sawit dan tapak binaan.

## **JAWAPAN:**

**Jumlah pekerja asing yang memegang Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) yang masih sah dan aktif bagi tahun 2009 sehingga 14 September 2014 adalah seperti berikut:**

<b><u>Tahun</u></b>	<b><u>Jumlah Pekerja Asing</u></b>
<b>2009</b>	<b>1,918,146 orang</b>
<b>2010</b>	<b>1,817,871 orang</b>
<b>2011</b>	<b>1,573,061 orang</b>
<b>2012</b>	<b>1,571,589 orang</b>
<b>2013</b>	<b>2,250,322 orang</b>
<b>2014 (14 September)</b>	<b>2,058,048 orang</b>

**Jumlah ini mewakili pekerja asing yang digaji secara sah dan dikeluarkan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) oleh Jabatan Imigresen Malaysia. Jumlah ini juga adalah termasuk jumlah PATI yang telah diputihkan dan dikeluarkan PLKS di bawah Program 6P.**

**Pada masa ini syarikat *outsourcing* yang dilantik oleh Kementerian Dalam Negeri hanya dibenarkan untuk membekal dan menguruskan pekerja asing yang telah diluluskan sebelum ini. Jumlah syarikat *outsourcing* yang masih aktif adalah sebanyak Jumlah 267 buah syarikat *outsourcing* melibatkan seramai 83,902 orang pekerja asing.**